
**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA
BILIK MESYUARAT TINGKAT 4, BANGUNAN PARLIMEN**

KHAMIS, 22 Mac 2012

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili
[Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi] - *Pengerusi*
YB. Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]
YB. Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]
YB. Tuan Loke Siew Fook [Rasah]
YB. Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]
YB. Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]
YB. Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]
YB. Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

URUS SETIA

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha
(Perundangan dan Prosiding)]
Encik Mohd Ikram bin Seri @ Rahimi [Penolong Setiausaha Kanan
(Perundangan dan Prosiding)]
Encik Wan Kamarul Ariffin bin Wan Ibrahim [Penolong Setiausaha I
(Perundangan dan Prosiding)]
Encik Zulfazly bin Mohammad [Penolong Setiausaha II (Perundangan dan Prosiding)]

HADIR BERSAMA

Parlimen Malaysia

Encik Noor Rosidi bin Abdul Latif [Penasihat Undang-undang]

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

YBhg. Dato' Haji. Noordin bin Che Ngah [Timbalan Setiausaha Pilihan Raya]
Cik Yusniati Ishak [Setiausaha Bahagian (Pendaftaran Pemilih)]
Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling [Setiausaha Bahagian
(Teknologi Maklumat dan Komunikasi)]
Encik Suhaimi bin Saudi [Setiausaha Bahagian (Pengurusan Sumber Manusia)]

samb/-

HADIR BERSAMA *(samb/-)***Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia** *(samb/-)*

Encik Shah Aruzaman bin Ismail [Setiausaha Bahagian (Pilihan Raya)]
Encik Muhammad Firdaus bin Mohd Ramli [Setiausaha Bahagian (Analisis Data)]
Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff [Penasihat Undang-undang]
Cik Noor Azira Ahmad Zuki [Penolong Setiausaha (Pengurusan Sumber Manusia) 2]
Encik Hamzah Mohd Noor [Penolong Setiausaha (Akademi Pilihan Raya) 3]

Kementerian Dalam Negeri

Puan Siti Zauyah binti Osman [Setiausaha Bahagian (Pendaftaran Negara dan Pertubuhan)]

Jabatan Pendaftaran Negara

Encik Zakaria bin Awi [Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi]
Puan Laila binti Abdul Majid [Ketua Penolong Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat]
Encik Ruslan bin Alias [Penolong Pengarah Bahagian Kad Pengenalan]
Encik Nik Hassan Fauzi bin Nik Abdullah [Penolong Pengarah
(Bahagian Kelahiran, Kematian dan Anak Angkat)]
Cik Zarifah binti Zulghaffar [Pegawai Undang-undang (Bahagian Khidmat Pengurusan
dan Sumber Manusia)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Puan Hamidah Nadzri [Penolong Pesuruhjaya]
Encik Mazery Zaini [Penguasa]

Polis Diraja Malaysia

YBhg. DCP Dato' Muhammad Fuad Abu Zarim [Timbalan Pengarah KDN/KA]

Kementerian Pertahanan

Lt. Kol. Omar Daud [Penolong Setiausaha (Unit Kabinet dan Parlimen)]
Kapt. Hapzarizal M. Napi [Pegawai Rekod]

Kementerian Luar Negeri

Encik Dzulkefly Abdullah [Ketua Penolong Setiausaha]

MIMOS

YBhg. Datuk Abdul Wahab Abdullah [CEO dan Presiden]
Encik Kamarulzaman Abd Mutalip [Pegawai Kanan]

MOSTI

YBhg. Datuk Dr. Bernard Maraat [Pegawai Khas]

LAPORAN PROSIDING**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA
PARLIMEN KEDUA BELAS, PENGGAL KELIMA****Bilik Mesyuarat Tingkat 4, Parlimen Malaysia****KHAMIS, 22 Mac 2012****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.37 petang**

[Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili
mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Pengerusi: Okey, ada perbincangan sedikit sebelum saya masuk tadi dengan Ahli-ahli sebelah kiri saya yang mana nanti saya akan bangkitkan dalam sebahagian mesyuarat inilah okey. So, kita bebas. Baiklah terutama sekali, sekali lagi saya minta pegawai bertugas dan cadangan hari ini ialah untuk sampai petang dalam perbincangan kita dan nanti saya huraikan nanti tugas, kerja pada hari ini. Pada hari Selasa, baru sahaja dua hari yang lalu 30 Mac, Jawatankuasa ini telah bermesyuarat bagi membincangkan di peringkat Jawatankuasa Kecil.

Semua sosio tersebut telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk diteliti sekiranya terdapat pindaan dan saya sendiri telah meneliti setiap draf kecuali sistem alternatif saya tidak dapat *copynya* daripada pegawai. Daripada penelitian saya sememangnya memang banyak perubahan yang perlu dijalankan. Jadi itulah kita telah beri masa kepada setiap Ahli Yang Berhormat untuk menelitinya dan membuat apa-apa pindaan yang ingin dicadangkan. Pada hari ini Jawatankuasa akan bermesyuarat bagi menyambung perbincangan mengenai syor-syor Jawatankuasa Kecil dan dimasukkan di dalam Laporan Jawatankuasa Induk ini.

Saya sedia maklum bahawa barangkali perjalanan ini perlu banyak masa lagi. Cadangan kita awal ialah satu kita papankan cadangan-cadangan itu dan kita lihat serta meneliti perkataan dari perkataan adakah itu boleh diterima ataupun tidak. Saya bercadang membuat untuk dua peringkat. Satu kita *go through* dulu laporan-laporan Jawatankuasa Kecil itu. Saya punya saya sudah membentangkan pada hari ini di situ dan kita terima dulu dari segi tajuk dan *matters of concern*. Masuk ataupun tidak sebab *wordingnya* itu kita boleh kemas kini bersama, kita boleh draf dengan seperti kita buat laporan interim dulu.

■ 1440

Kita paparkan sana *and I do not like this word, I cadangkan this word* lihat kalau Jawatankuasa boleh terima atau tidak dari segi penyampaiannya dan penekanannya.

Akan tetapi sekurang-kurang dari tajuk dahulu, tajuk-tajuk utama. Apabila kita sudah kumpul tajuk-tajuk utama, *matters of concern* dengan izin, daripada setiap itu, baru kita *going to the detail, develop*. Saya sedia maklum bahawa tidak semua perkara yang diangkat oleh Jawatankuasa Kecil boleh barangkali diterima sekali gus oleh kedua-dua pihak. Jadi, itulah saya sudah cadangkan konsep *of* senarai 'A', senarai 'B'. Senarai 'A' *no debate about it, no issue*. Kita setuju ini dilakukan, hanya *the wording maybe* kita perlu perkemaskini. Senarai 'B' - *well* kita perlu runding bersama untuk hendak masuk ataupun tidak masuk, setuju ataupun tidak setuju dan membuat ketetapan daripada situ.

Jadi saya cadangkan pada hari ini, *we concentrate on that* dahulu *then* bila kita setuju dengan tajuk itu, masukkan dan baru kita *print out* semua dan *we go for the wording*. Dari segi seni kata, perkataan, penekanan *word for word*. Kalau tidak, *we will* sangkut dalam satu, dua topik. Ini hanya untuk membersihkan cara penyampaian. Jadi, itu langkah saya cadangkan. Akan tetapi sebelum saya hendak masuk untuk muka seterusnya, untuk laporan Jawatankuasa Kecil barangkali perundangan, saya hendak buka beberapa perkara. Satu perkara - kalau ada apa-apa hal yang ingin dibangkitkan yang umum. Akan tetapi sebelum itu saya ingin bangkitkan satu perkara yang saya telah sentuh dengan pihak rakan-rakan di sebelah Pakatan iaitu mengenai laporan di dalam *blog* dan *Berita Harian* mengenai maklumat data yang dibincangkan di dalam Jawatankuasa Kecil Daftar Pemilih yang sebenarnya belum lagi diperakui di peringkat Jawatankuasa. Itulah saya kosongkan berapa jumlah, ia masih dalam penelitian peringkat siasatan oleh MIMOS. Akan tetapi nampaknya pihak Ahli Yang Berhormat telah pun menggunakan itu.

Saya hanya mahu menegur di sini, sebab di bawah Peraturan 85, apa-apa maklumat yang dibekalkan kepada Jawatankuasa ini, itu adalah maklumat yang dibekal untuk tujuan laporan dan dilaporkan kepada Parlimen. Hanya selepas diterima oleh Parlimen, barulah perkara-perkara boleh dibangkitkan daripada laporan dan apatah lagi data-data yang masih lagi dalam bentuk penelitian kita. Saya sedar barangkali dia hendak membantu untuk memaklumkan kepada awam kerana saya sebagai Pengerusi pun, saya telah berjaga-jaga untuk mengulas perkara-perkara yang belum diputuskan bersama, hanya memberi gambaran. Beliau tanya bagaimana *overseas voting*, kita angkat itu - *the details we are still talking with SPR*. Akan tetapi untuk mendedahkan secara terperinci, ini salah daripada peraturan di bawah..., Yang Berhormat Gombak pernah diambil tindakan dalam perkara ini sebelum ini.

Saya mahu merayu pada hari ini supaya, kita kekalkan etika. *We are not here to score any points to get anyone credit. At the end of the day, the report should be the credit to everybody, and Parliament, and those who are appeared before us.*

It is a respect whether the report is going to be sempurna ataupun tidak. Itu satu yang ingin saya sentuh.

Okey, saya buka untuk..., jika ada perkara yang ingin dibangkitkan. Dalam perkara ini, saya minta jaminan daripada pihak semua supaya tidak ada lagi terjadi pengedaran maklumat-maklumat yang belum lagi diperakui. Itu adalah membantu kita untuk membuat keputusan di sini, okey.

Kalau tidak ada perkara-perkara yang berbangkit, saya mahu terus kepada Laporan Jawatankuasa *legal* untuk memberi gambaran siapa yang harus masuk. Semua ada salinan juga? Bila sampai daftar pemilih – *sorry*. Proseskah nanti kalau ada sana, boleh kemukakan. Bahagian *legal* ada diberi bukan? Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Pengerusi, minggu lepas kita sudah dengar laporan jawatankuasa mengenai daftar pemilih. Lanjutan itu kita ditegur tadi oleh Tuan Pengerusi mengenai data-data yang sepatutnya tidak didedahkan dan tentulah merujuk kepada senarai yang berkaitan dengan daftar pemilih di mana terdapatnya lebih kurang 79,000 pengundi berada di 305 alamat yang telah kita sebut di dalam mesyuarat yang lalu. Selanjutnya daripada itu, kita juga dapat mengesan dalam masa sehari dua ini adanya pertindihan walaupun MIMOS melaporkan tidak ada pertindihan dalam senarai kad pengenalan dan nama di dalam daftar pemilih induk. Kita mengesan daripada laman rasmi semakan daftar pemilih ini. Ada beberapa contohnya. Memang *the honors is not on us to discover everything*. Kita pun tidak berupaya seperti MIMOS atau SPR untuk pergi *mendetail*.

Akan tetapi, ada beberapa contoh yang kita dapati dalam daftar pemilih yang nama sama, IC sama dari satu negeri memohon sebagai pendaftaran baru di negeri yang lain masih lagi ada di dalam *website* SPR. Bagaimana ini boleh berlaku sedangkan nama dan kad pengenalan yang sama? Sepatutnya kalau permohonan baru sedemikian tidak boleh diterima, malah ditolak awal-awal semasa - borang-borang itu tidak perlu di bantah pun, tetapi masih ada. Kita ada tiga contoh nama yang ada di sini. Jadi ini *despite* beberapa pendedahan sebelum ini dibuat dan apabila dibuat *run off* oleh MIMOS, seperti bersihlah perkara tersebut, tetapi ada lagi. Kita tidak nampak komitmen daripada SPR untuk melaksanakan pembersihan ini secara jujur dan ikhlas kerana isu *electoral roll* ini Tuan Pengerusi adalah *core issue* di dalam pembaikpulihan pilihan raya ini, yang lain juga penting. Akan tetapi ini antara perkara yang menjadi isu utama sampaikan kalau di Sabah khususnya, isu pengundi-pengundi warga asing ini menjadi satu isu besar sehingga dituntut satu *Royal Commission of Inquiry*.

Jadi bagaimana kita hendak menaruh keyakinan bahawa di sana ada satu keseriusan di pihak pelaksana iaitu pihak SPR untuk memastikan daftar ini bersih. Sebenarnya bukan tugas kami parti politik, bukan tugas MIMOS, tetapi tugas SPR. Kita memberikan kerjasama di sini dan mendapatkan kerjasama MIMOS sebagai usaha untuk membantu. Akan tetapi kalau SPR sendiri masih lagi berdolak-dalik dalam hal ini, kita merasa kecewa dan tidak dapat menerima suasana begini. Itu tidak masuk lagi beberapa isu yang dibangkitkan sehari dua ini mengenai seperti seolah-olah ada persempadanan baru, pengubahan kawasan Parlimen yang mana bertentangan dengan undang-undang kerana ia bukan musim persempadanan baru, tetapi berlaku. Mungkin tidak akan dikesan kalau tidak diusahakan oleh kita untuk meneliti ini secara halus. Jadi *again, honors is not on us*. Akan tetapi apabila kita jumpa perkara ini, ia menambahkan lagi kita punya ketidakpercayaan terhadap pengendalian senarai pemilih ini.

Itu saya hendak merakamkan... Ini ada tiga nama di sini, tiga contohlah.

Tuan Pengerusi: Cuba beri.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Nombor kad pengenalnya seorang ini bernama Faizliana binti Ramli di Parlimen Kuala Kedah, DUN Kubang Rotan, 860630-02-5422 dan disiasat permohonan yang sedang diproses untuk pendaftaran baru, IC yang sama, nama yang sama di DUN Tenggaroh, Parlimen Mersing. Contoh kedua, bernama Zarina binti Abu Tausi, di Parlimen Pulau, DUN Kempas, kad pengenalan 811001-01-5036 sedang diproses pendaftaran baru di DUN Pulau Manis, kawasan Pekan.

■ 1450

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Sedang diproses.

Tuan Loke Siew Fook: Permohonan baru.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Permohonan baru.

Tuan Loke Siew Fook: Pendaftaran baru.

Tuan Pengerusi: Ataupun permohonan pemindahan.

Tuan Loke Siew Fook: Bukan. Pendaftaran baru.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Belum disahkan lagi?

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Permohonan baru.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Belum disahkan lagi?

Tuan Mohamed Azmin Ali: *It doesn't matter.*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Bagaimana mahu memohon...

Tuan Pengerusi: Mahu memohon.

Tuan Mohamed Azmin Ali: ...Sudah menjadi pemilih. Bagaimana boleh masuk permohonan baru? Orang yang sama, IC yang sama, negeri yang berlainan.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Ketiganya..., ada? Dua, dua. Setakat ini dua nama...
[Bercakap dengan Yang Berhormat Rasah]

Tuan Loke Siew Fook: Tiga, tiga.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Dua nama, satu itu...

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Dua nama sahaja?

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Ya, contoh. Buat masa ini dua nama yang kita dapat. Jadi, apa alasannya maka perkara sebegini – ini perkara asas yang menimbulkan keraguan yang dahulu kita sudah bangkitkan tetapi *brush off* begitu sahaja. *Website* pun ditutup dengan segera dan sebagainya dan bermacam-macam jawapan. Apabila MIMOS *run through*, kita ingat SPR sudah ambil tindakan supaya tidak berlaku semula. Bagaimana perkara ini boleh berlaku semula? Jadi, itu yang menimbulkan keraguan kita bagaimana...

Tuan Pengerusi: Okey, ada reaksi daripada pihak SPR setakat ini.

Dato' Haji. Noordin bin Che Ngah [Timbalan Setiausaha Pilihan Raya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya ingin saya tegaskan sekali lagi bahawasanya SPR bersungguh-sungguh dan tidak langsung ada hasrat selain daripada hendak membersihkan daftar pemilih. Buktinya juga dikuatkan oleh kajian MIMOS itu: empat penemuan itu maknanya tidak ada pertindihan tentera, polis, awam, tidak ada lagi yang 21 tahun ke bawah, tidak ada lagi bukan warganegara dan sebagainya. Itu sudah cukup membuktikan bahawa SPR memang telus mengadakan usaha-usaha pembersihan walaupun sebelum MIMOS mengadakan kajian semula ataupun pemeriksaan semula.

Jadi, dalam konteks apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dr. Hatta tadi, pertamanya saya perlu memohon untuk membuat semakan terlebih dahulu. Ini disebabkan perkara ini saya rasa tidak harus berlaku, pertamanya. Keduanya, kalau ia melibatkan pertukaran alamat sebelum disahkan, memanglah. Akan tetapi kalau disahkan hanya tinggal satu di tempat yang baru, bermakna tempat lama akan dikeluarkan. Jadi, saya mohon untuk membuat semakan terlebih dahulu Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Baik, nanti bekalkan kes tersebutlah kecuali dia suruh diwartakan dan bertindih dan itu salah satu asas yang begitu kukuh sekali. Akan tetapi kalau satu memohon untuk pindah dan lihatlah – nanti beri salinan kepada Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Akan tetapi kalau untuk pindah kita sedia maklum tetapi kalau pendaftaran baru ini, ia memberikan gambaran ada percubaan untuk mendaftarkan orang yang sama. Saya punya *contention*, kalau ia pun berlaku sedemikian, kita dimaklumkan *at the very point of application* itu pun, *rejected*. Bukan perlu di bantah pun. Banyak permohonan pun yang kita hantar ditolak kerana sebab-sebab sedemikian.

Akan tetapi ini boleh terlepas sampai ke peringkat dipamerkan dalam *website*. Jadi, itu yang menimbulkan keraguan yang amat sangat.

Tuan Pengerusi: Okey, nanti tengok slip itu dan lihat maklumat borang yang digunakan itu: pendaftaran pertama atau pendaftaran pindah.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Tuan Pengerusi, saya soalan asal ialah bagaimana seseorang yang telah mendaftar dengan IC *number* yang sama, boleh membuat permohonan baru? Mungkin ada...

Seorang Ahli: Tempat yang lain.

Tuan Pengerusi: Atau pindah. Kecuali tujuan pindah.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Tujuan pindah. Ya, ya. Kecuali pindah. [Disampuk]. So, kita mesti kaji bagaimana ada – mungkin kesilapan *but* kalau kita ada satu *database* yang *central* itu, semua itu boleh di *cross check* sebelum...

Tuan Pengerusi: Sebab ini daripada penelitian Jawatankuasa Kecil kami dengan MIMOS, tidak ada satu pun yang bertindih, berasaskan pada IC dan seterusnya. Jadi, kalau ini terjadi, dan ini membuka...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Ya. Ada satu keraguan di sini Tuan Pengerusi, selalunya kalau nombor, unik *number* ini ia bertindih, *sure* dia akan *clash* lah, *rejected*. Akan tetapi di sini...

Tuan Mohamed Azmin Ali: Ada caranya.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: ya, ada caranya.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Diletakkan *slash*.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Ia ada diletakkan *slash* di hujungnya. Ia ada satu *slash* di hujungnya.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Dalam konteks ini, *I totally agree with* Dr. Hatta. Kita bersama-sama sini untuk ada satu semangat yang sama: tidak ada *voting role*. Itu yang ada – *double cases* dan sebagainya kita tidak mahu semua itu. Kita mahu bersihkan langsung kerana tidak ada boleh sebut contoh-contoh seperti ini. *I think we all are in one* lah, *want to clean up the role with this respect*.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Tuan Pengerusi, sebagai teorilah. Teori kita, ya. *I would like to be proven wrong* lah. Kalau saya sebutkan tadi kalau *identity card number* nya sama, *myKad number* nya sama, *sure* dia akan *clash* dan akan *reject*. Akan tetapi di setiap ini ada satu *slash* di hujungnya. Adakah kemungkinan perkara-perkara tersebut dijadikan sebab maka ia tidak di *highlighted* kerana memang tidak samalah sebab ada elemen dalam nombor itu yang berbeza.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Ia tambah satu.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Jadi, janganlah kata ini mungkin perasaan kita sahaja. *We have reason to doubt that this is done on purpose.*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Saya ingat ini – ini bersangkutan-paut dengan satu nama sahaja tetapi alamatnya berbeza. Dia disahkan di Kempas tetapi dia buat permohonan baru di Pulau Manis, Pekan. Jadi Pulau Manis, Pekan tidak tahu. jadi, dia masukkan dalam sistem oleh kerana ...

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Cumanya sedang diproses.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Permohonan yang sedang diproses.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Bukan ditolak.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ditolak kemudiannya. Kesudahannya akan ditolak.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Tuan Pengerusi, berapa banyak borang kita ditolak, bukan setakat ditolak di sini, borang pun ditolak kerana masalah-masalah sebegini. Ini bukan setakat – sudah masuk dalam sistem, *just a matter of...*

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Bukan. Permohonan yang sedang diproses.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ya, ya.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Ya. Maksud saya dalam banyak permohonan yang kita hantar, 300, 200 itu ditolak.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ditolak?

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Ditolak. Belum masuk sistem. Jadi...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ia tolak, ia banyak *stage* yang tolak.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Jadi? Betullah itu.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: ..*Final stage* yang ditolak.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Tidak akanlah ini..

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ia kesudahannya tidak akan keluar nama.

Tuan Pengerusi: Minta pihak SPR.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Kalau hendak IC nama, tidak akan keluar kedua-dua sekali.

Tuan Pengerusi: *The basic steps*, ya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Saya hendakkan bawa bukti menunjukkan kata dua nama yang disahkan. Itu okey.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *That is...*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Kalau macam ini, diproses, dalam proses.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Sedang ia diproses...

Tuan Pengerusi: Okey, pihak SPR dahulu. *The process involves* daripada segi *preliminary rejection* semua ini dan seterusnya...

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *Preliminary rejection ...*

Tuan Pengerusi: Mengapa beri sampai masuk *does not now system...*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ini ia tulis, "daftar pemilih yang telah disahkan", *and then*, "permohonan yang sedang diproses", jadi, dua makna di situ.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Dua yang berbeza.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Dua berbeza dan alamat dia pun satu di Kempas, satu di Pulau Manis, Pekan, satu di Johor. Jadi, ia bawa dimasukkan dalam sistem untuk diproses. Selepas itu ditolaklah. Itu sahajalah, apabila disahkan.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Kategori permohonan tukar alamat, kita perlu kata permohonan tukar alamat.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tidak, tidak. Bukan permohonan tukar alamat. Ini permohonan baru. Mungkin orang itu buat permohonan sebab dia lupa umpamanya, dia buat permohonan sekali lagi. Itu pun orang lain berkempen, "*You masuk lagi*". Dia pun okeylah, buat permohonan.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: "*Tidak mengapa, masuk lagi*".

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Jadi, ini bukan bermakna...

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Ya, ya. *That one I agree*. Sedang diproses, *it is not final. I mean it is not final*.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ini di dalam sistem ini yang saya baca.

Tuan Pengerusi: Pihak SPR, *you want to comment?*

Dato' Haji. Noordin bin Che Ngah: Tuan Pengerusi, dalam sistem kita kalau *identifier* nombor itu sama, akan ditolak. Tidak boleh mendaftar dua kali. Sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Radzi tadi, apabila kita sahkan, selepas melalui proses bantahan dan sebagainya, maka apabila disahkan, hanya satu sahaja nama yang akan wujud dalam daftar pemilih. Jika sekiranya menggunakan nombor pengenalan ataupun *identify* yang sama. Hanya satu sahaja yang akan wujud dalam daftar pemilih. Oleh sebab itulah sebagaimana yang saya sebutkan tadi Tuan Pengerusi, kita perlukan maklumat untuk saya *check* sebentar dalam kes tadilah. Kecuali tukar alamat tadi, yang memerlukan pengesahan dan hujungnyanya, kita akan wartakan. Akan tetapi *insya-Allah* kita wartakan esok, tidak berlaku pertindihan. Itu saya pohon untuk mendapatkan maklumat untuk menyemaknya.

Tuan Pengerusi: Okey, kita bagi masa. Ada penjelasan kah Tuan Kamaruddin.

■ 1500

Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling [Setiausaha Bahagian (Teknologi Maklumat dan Komunikasi)]: Okey Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Okey kita *display record* itu dekat laman web.

Tuan Pengerusi: *Display?*

Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling: Bila kita semak laman web, kita ada dua data kita simpan. Satu DPI dan satu lagi transaksi. Jadi kalau kita masuk nombor IC macam ini, memang dia akan *display* dua. Satu dalam DPI, satu lagi rekod yang dalam transaksi. Kalau kita tengok contoh ini, yang Zarina tadi itu dalam DPI dia memang ada di Kempas, Pulai, di Johor. Dalam transaksi sekarang ini dia di Pulau Manis, Kuantan. Dia ada permohonan sama ada hendak tukar alamat ke tempat baru. Oleh sebab alamat dia tidak sama ini.

Jadi sekarang ini bila kita, selepas kita sahkan data pemilik itu, dia akan *appear* satu sahaja. Dia tidak akan *appear* dua. Apatah lagi dalam sistem, *database* tidak boleh *allow identifier* dua dalam hari yang sama, *appear* dalam satu sahaja. Tidak boleh *allow*. Akan tetapi dekat sini kita simpan dua tempat. Satu dalam DPI, satu transaksi. Akan tetapi bila, sebab kadang-kadang orang akan tanya bila dia sudah mohon, dia hendak tahu status dia.

Oleh sebab itu kita *improvekan* laman web kita di mana bila dia masuk IC kalau dia ada permohonan untuk tukar alamat, kita bagi tahu, okey, dalam masa yang sama ada dalam DPI. Ada juga dalam DPT yang *current* yang DPT itu. Akan tetapi bila kita sudah sah esok saudara, dia akan *appear* satu sahaja. Maknanya Zarina ini rekod dia di Pulau Manis ini akan *replace* pendaftarannya di Pulai, Johor. Ini bukan makna dia ada dua nama.

Tuan Pengerusi: *So*, ertinya kerana ini dalam proses pengesahan. Dia belum lagi dalam *confirm roll*.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *It will be rejected.*

Tuan Pengerusi: Okey Yang Berhormat. *I think that is the* penjelasan. Itulah tadi apabila dibangkitkan saya rasa perlu teliti dulu kes-kes yang sebenar ini. *But that is the established case*, peraturan. Masuk dalam senarai seperti yang dipohon, mahupun mati, mahupun permohonan baru, mahupun permohonan pinda, bukannya? Itu akan diproses dan baru dibuka daripada senarai. Akan tetapi kalau dua-dua nama itu dalam DPI, itu masalah. Itu kita tidak boleh maafkan. Okey, ada lagi? Sebelum saya panggil Jawatankuasa Undang-undang.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin kembali kepada taklimat yang diberikan oleh Tuan Pengerusi dalam Jawatankuasa Kecil Mengenai Daftar Pemilih beberapa hari yang lalu. Saya ingin membawa perhatian mesyuarat tentang peranan utama pembentukan PSC yang jelas untuk menambah baik proses pilihan raya.

Namun lanjutan daripada beberapa perkara yang telah dibangkitkan, saya masih belum ada keyakinan bahawa proses penambahbaikan ini akan berjalan lancar kerana beberapa perkara yang boleh kita buktikan. Oleh sebab itu saya berpendirian laporan yang hendak kita kemukakan ini tidak boleh diterima sebagai satu laporan yang konklusif sekiranya isu-isu fundamental tidak dapat diselesaikan.

Dalam proses pilihan raya yang saya terlibat secara langsung dalam jawatankuasa kecil, isu daftar pemilih merupakan isu yang paling asas untuk memastikan pilihan raya itu bersih dan adil. Sehingga petang ini saya masih belum yakin daftar pemilih itu bersih. Walaupun saya tidak menuding jari, saya menyambut baik kenyataan Dato' Haji. Noordin bin Che Ngah usaha SPR untuk membersihkan daftar pemilih.

Namun sering kali bebanan ini diletakkan di atas parti-parti politik untuk tampil ke depan dan membawa bukti-bukti. Minggu yang lalu pun kenyataan yang sama diberikan oleh pegawai tertinggi SPR. Dia kata, '*Kalau Yang Berhormat Gombak ada bukti, berilah*'. Sedangkan *the burden is on SPR, on the Election Commission. Not on MIMOS, not on political parties*. Kita boleh membantu sedikit. Akan tetapi peranan utama untuk membersihkan itu mesti datang daripada SPR.

Kami sempat bertemu dengan Pengerusi *Election Commission* India yang baru bersara, saudara Mr. Navin Chawla, minggu lepas. Pengalaman dia mengendalikan *election* untuk hampir satu bilion rakyat sana. Daftar pemilih itu dapat dikemaskan dengan baik. Saya ingin hendak bawa contoh yang besar, yang terbaru ialah contoh Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim. Walaupun penjelasan telah saya ada ini, kenyataan daripada Datuk Wan Ahmad Wan Omar tentang apa yang berlaku. Saya akan pergi kemudian.

Kita ada lagi bukti yang jelas. Maknanya sementara PSC ini sedang berjalan, berusaha untuk menambah baik, kerja-kerja ini masih berjalan. Sebagai contoh di Parlimen Subang, ini daftar yang, ini angka yang - kita hendak dapat penjelasan daripada SPR. Daftar DPI untuk tahun 2008 ialah 84,414 pengundi. DPI tahun 2010, 97,351 pengundi. Setelah kita teliti DPI tahun 2010 ditambah dengan DPT pertama suku tahun pertama, suku tahun kedua, suku tahun ketiga bagi tahun 2011, angka-angka yang diberikan SPR itu bagi setiap suku tahun ia berjumlah 110,614 pengundi. Akan tetapi bila diwartakan suku tahun ketiga 2011, angka yang diberikan ialah 113,978 pengundi. Ada pertambahan sebanyak 3,364 masuk dalam Parlimen Subang. Di mana datangnya 3,364 orang ini?

Itu yang pertama. Bagaimana mereka boleh diwartakan kalau nama-nama ini 3,364 pengundi ini diwartakan tanpa dipamerkan terlebih dahulu untuk bantahan.

Ketiga, maknanya 3,364 ini, nama-nama yang tidak boleh kita bantah kerana telah masuk dalam DPI. Jadi ini yang menimbulkan kebimbangan kalau satu Parlimen boleh 3,364 pengundi. Itu suku tahun ketiga dimasukkan dan diwartakan tanpa dipamerkan. Sepatutnya berkurangan kalau kita pameran suku tahun pertama ada bantahan, kurang. Dia tidak boleh tambah. Akan tetapi sekarang tambah 3,364 pengundi.

Tuan Pengerusi: Okey, *straight to the point*. Then maybe I can ask SPR to explain.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Itu yang pertama Tuan Pengerusi. Kedua, Parlimen Subang juga. Ini tentang pengundi-pengundi yang dipindahkan tanpa pengetahuan mereka, keluar daripada kawasan pilihan raya yang ia bercanggah dengan undang-undang yang sedia ada. Sebagai contoh di Kelana Jaya, DUN Sri Setia *locality* Kampung Saujana, itu tahun 2008. Kali ini tahun 2010, *locality* yang sama, DUN berbeza. Daripada Sri Setia dipindahkan ke Kota Damansara.

Apabila pindahan ini berlaku maknanya Parlimen pun berbeza, daripada Kelana Jaya berpindah ke Subang. Ini bercanggah dengan Perlembagaan dan peruntukan yang sedia ada. Itu baru satu. Saya ada kes-kes yang lain *locality* Pangsapuri Sri Melewar, 26 pengundi. *Locality* Saujana *Resort*, 19 pengundi. Akhirnya jumlah yang kita boleh kesan, 208 pengundi.

Itu yang pertama. Berbalik kepada isu Tan Sri Khalid Ibrahim. Apa kenyataan yang diberikan oleh SPR ini adalah *administrative error*. Ini bukan *error* pentadbiran. Ini percanggahan dengan undang-undang sebab saya juga *printkan* laman web SPR di bawah tajuk Persempadanan Belah Bahagi - Belah Bahagi Daerah Mengundi. Ada satu subtopik tajuknya, "Sempadan Bahagian Pilihan Raya". Urusan belah bahagi daerah-daerah mengundi adalah ditumpukan dan terhad dalam satu-satu bahagian pilihan raya negeri sahaja. Oleh itu urusan belah bahagi daerah mengundi adalah tidak boleh sama sekali melampaui sempadan Bahagian Pilihan Raya Negeri apatah lagi Parlimen, termasuk urusan-urusan untuk tujuan mencantumkan dua daerah mengundi kecil atau sebahagiannya yang terletak di sempadan dua bahagian pilihan raya yang berlainan.

Ini jelas. Kalaupun berlaku kesilapan yang diakui oleh Datuk Wan Ahmad, dia tidak boleh buat sekarang. Dia perlu tunggu persempadanan semula, betul? Ya, tetapi mengapa dibuat sekarang?

■ 1510

Tuan Pengerusi: Dipindahkan.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Dipindahkan dan luar daripada Selangor masuk ke Wilayah Persekutuan. Sebab itu saya kata bukan soal *reform*. Kalau satu Perlembagaan atau satu undang-undang pun SPR tidak menghormati, bagaimana hendak diyakinkan kami bahawa SPR bersungguh-sungguh untuk melakukan *reform*?

Tuan Pengerusi: Ini yang SPR kata pembedulan.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Pembedulan...

Tuan Pengerusi: Seharusnya keluar tahun 2004 tidak keluar *now you* pembedulannya. Begitu?

Tuan Mohamed Azmin Ali: Akan tetapi tidak boleh dilakukan sekarang sebab ianya hanya boleh dilakukan apabila berlaku persempadanan semula sebab ia bercanggah. Kalau tengok peraturan ini pun yang ada dalam laman web SPR, tidak boleh melampaui sempadan bahagian pilihan raya negeri apatah lagi Parlimen. Yang saya sebut 208 tadi kesemuanya berbeza Parlimen. Begitu juga dengan Tan Sri Khalid Ibrahim. Jadi bagaimana? Oleh sebab itu daftar pemilih ini yang menjadi asas dalam pilihan raya, kalau tidak bersih bagaimana saya hendak mendukung laporan yang hendak dikeluarkan? Ya, memang ada perkara-perkara lain yang baik yang boleh diperkenalkan tetapi *the fundamental issues* ialah soal daftar pemilih yang kotor. Kalau itu tidak boleh diselesaikan, apa maksud apa *indelible ink* ataupun *free media* ataupun perkara-perkara yang lain. Kalau *fundamental issues*, SPR tidak boleh beri komitmen untuk membersihkan, jadi itu satu contoh. Saya minta jasa baik...

Tuan Pengerusi: Okey, saya minta pihak SPR *just to respond* sedikit, dan selepas itu saya hendak beri ulasanlah. Saya sedar apa yang dibangkitkan itu tetapi saya rasa ada banyak lagi perkara-perkara pokok yang telah kita lalui bersama, kita telah analisa dan memang ada *issues – subject matters* barangkali yang kita tidak dapat sehaluan tetapi banyak penambahbaikan yang telah kita lintasi – yang kita masih boleh tinggalkan untuk generasi muda, untuk Parlimen. So saya ingin sifat yang lebih positif daripada itu dan kita perakui mana pun yang kita boleh perbetulkan kalau ada asas untuk itu, saya minta pihak SPR.

Dato' Haji. Noordin bin Che Ngah: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, selepas penubuhan PSC sebenarnya perkara itu tidak dilaksanakan. Perkara itu yang kita buat sebelum penubuhan SSC sebenarnya – Jawatankuasa Pilihan Khas. Saya ringkas sahaja yang kita selalu pakai *Special Select Committee* (SSC) Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Itu *Senior Assistant Commissioner* itu... [Ketawa]

Dato' Haji. Noordin bin Che Ngah: Satu lagi apa yang kita laksanakan Yang Berhormat Datuk Seri iaitu pembetulan *locality* sebenarnya. Bilamana kita ada satu sistem di SPR itu menggunakan EGIS ini, jadi kita kenal pasti bahawasanya *locality* tertentu termasuk juga *locality* untuk Yang Amat Berhormat Tan Sri Menteri Besar Selangor itu, kita dapati sebenarnya dia berada dalam Lembah Pantai pada ketika itu.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Pada ketika itu?

Dato' Haji. Noordin bin Che Ngah: Dia alamat kalau tidak silap saya 16-2, Petaling Jaya. Sebelum itu, masa proses itu dilaksanakan dia *considered* di Petaling Jaya Selatan. Akan tetapi bila kita buat, kita melihat pengesahan berdasarkan orang-orang di situ membayar *tax* ke mana – ke Bandaraya Kuala Lumpur ataupun Selangor maka *locality* itu termasuk tempat yang didiami oleh Yang Amat Berhormat itu adalah termasuk di bawah Lembah Pantai. Jadi kita membetulkan *locality*. Bukan membetulkan *boundary* ataupun sempadan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Satu parti juga itu, satu parti juga itu, Lembah Pantai lah. *But that's the material. I think basic rule...*

Tuan Mohamed Azmin Ali: Ini bukan soal satu parti, ini soal undang-undang. *Locality* ataupun daerah mengundi jelas dinyatakan dalam undang-undang tidak boleh melampaui Sempadan Bahagian Pilihan Raya Negeri apatah lagi Parlimen. Jelas. Jadi walaupun tindakan itu dibuat sebelum PSC, apakah SPR melanggar undang-undang sebelum PSC? Itu yang pertama. Yang kedua, kalau betul pun SPR mengakui ada kesilapan itu, dia perlu tunggu persempadanan semula. *That is the right way to do it, you* tidak boleh tukar senyap-senyap. Ini yang berlaku tahun 2004, di mana Datuk Wan Ahmad Omar tukar dengan sewenang-wenangnya sehingga berlaku kecelaruan yang paling parah dalam sejarah pilihan raya.

Saya berani menyatakan ini sebab ini diakui sendiri oleh Pengerusi SPR yang lama, yang dia tidak tahu menahu. Yang dibuat oleh Setiausaha SPR pada ketika itu. Jangan ulang kesilapan ini sebab ini bukan soal pentadbiran, ini soal undang-undang, Perlembagaan yang dilanggar. Itu satu Tan Sri Khalid. Yang saya bawa tadi 208 Subang, *how do you explain? You pindahkan DUN, you pindahkan...*

Tuan Pengerusi: Ini pembetulan itu kah?

Dato' Haji. Noordin bin Che Ngah: Pembetulan *locality*.

Tuan Mohamed Azmin Ali: *This is wrong.*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Alor Gajah ada berbincang dengan saya.

Tan Sri Datuk Dr. Fong Chan Onn: Lain tempat pun ada macam itu..

Tuan Mohamed Azmin Ali: *Yes, it doesn't matter, in Melaka, in Selangor, in Kedah.* Prinsipnya telah melanggar undang-undang. Kalau SPR boleh langgar undang-undang, *how do you expect us?* Maknanya kalau *you* betulkan sekarang, *are you going to disqualified result of 2008? Tell me now.* Sebab itu jangan tukar sekarang. *ou* perlu tunggu persempadanan semula *otherwise you have to declare election 2008* itu *null and void*.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Balik pada yang dahululah, tahun 2004...

Tuan Mohamed Azmin Ali: Tidak. Itu isu lain.

Tuan Pengerusi: Ini akan menjadi pengundi luar ini Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Tidak boleh. *No*, saya serius Tuan Pengerusi. *Because this is fundamental...*

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: *Everybody also serious.*

Tuan Mohamed Azmin Ali: *No*, tidak ada. Dia hendak balik kepada 2004. Mana boleh. *No, you cannot do it now.* Ini bukan soal *administrative error*, ini soal fundamental.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi dari segi *legal boundary* sudah berubah, orang ini adalah pengundi luar lah kalau tidak dimasukkan dalam sempadan mereka..., bukankah? *Yes*, Yang Berhormat *because at the moment* dia harus sudah keluar dahulu tetapi tidak dapat dikeluarkan. Sekarang baru penyelarasan, pembetulan dari segi mukimnya itu dan sempadan itu *supposed to be next door. So you correcting them to wear strictly your legal - prove amendment of 2004* lah begitu.

Jadi sekarang kalau dikekalkan sebenarnya ia memang di luar sempadan lah tetapi mengundi di dalam di mana dia mengundi tahun 2004 lah. *So how do you define them? How do you legalize them, you see?* Itu *outside*. Tidak, *if you keep them where they are, they are* pengundi luar. *They are not in the* kawasan. Tidak, sempadan sudah berubah, dari segi gazet sudah berubah *you see*. Akan tetapi dia punya undi itu sudah keluar tetapi masih mengundi di sana.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Apa yang dikatakan *administrative error* itu Tuan Pengerusi yang dikatakan oleh Datuk Wan Ahmad sebagai *administrative error, error* di mana?

Tuan Pengerusi: Dahululah ternyata di suruh pindah. Begitu kah..., *is that?*

Dato' Haji. Noordin bin Che Ngah: Maksud dia saya agaklah Tuan Pengerusi, pembetulan *locality* tadi lah. Sepatutnya *locality* itu dalam tempat ini dalam Parlimen ini sepatutnya. Akan tetapi dalam *master index* kita didaftarkan dahulu yang lama itu dalam Parlimen yang berbeza. Jadi apabila kita kenal pasti orang ini sebenarnya di sini, maka kita buat pembetulan. Akan tetapi tidak melibatkan sempadan pilihan raya tadilah.

Tuan Pengerusi: Ya Datuk.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Sempadan okey.

Dato' Haji. Noordin bin Che Ngah: Sempadan pilihan raya. Sempadan bahagian pilihan raya.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Terlibat sebab Selangor sekarang sudah masuk Wilayah Persekutuan.

Dato' Haji. Noordin bin Che Ngah: Tidak Yang Berhormat. sempadan bahagian pilihan raya tidak berubah. Yang berubahnya *locality* daripada sebelah kiri ke sebelah kanan kerana kita kenal pasti bahawa sebenarnya *locality* yang saya kata 'A' yang sebelah kiri semuanya duduk di sini.

Tuan Pengerusi: Tahun 2004, dia harus sudah pindah lah. *You know*. Akan tetapi tidak dipindah...

Tuan Mohamed Azmin Ali: Ya, tetapi hukumnya SPR terikat dengan peraturan yang ada.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Correct the alignment* sahaja lah. We..

Tuan Mohamed Azmin Ali: Ya, *but...*

Tuan Pengerusi: *This is correcting according to the alignment...*

■ 1520

Tuan Loke Siew Fook: Tuan Pengerusi, saya rasa fundamental isunya kalau SPR membuat begitu maksudnya SPR mengakui bahawa ada pemilih yang tidak sepatutnya di kawasan Parlimen tersebut pada tahun 2008.

So, kalau begitu actually you open up the whole thing that the election results of 2008 boleh dicabar. Kalau itu kata orang yang tidak sepatutnya mengundi di sana. Instead only apply di Lembah Pantai di seluruh negara juga. Maksudnya keseluruhan keputusan itu boleh dicabar kerana sepatutnya pengundi itu tidak sepatutnya mengundi di Parlimen itu. Mungkin Parlimen itu hanya majoritinya 100. Kalau ada 200 orang yang tidak sepatutnya di sana you will, akan memberi kesan yang besar kepada keseluruhan kawasan itu.

Tuan Pengerusi: Okey, mungkin kebanyakan ada *many*?

Tuan Loke Siew Fook: Banyak. Bukannya memandai sahaja banyak. Bagan Pinang pun sama dulu semasa pilihan raya kecil. Ada yang pada tahun 2008, dia mengundi di Bagan Pinang. Pilihanraya Kecil 2010, dia tidak mengundi di Bagan Pinang lagi, sudah tukar.

Tuan Pengerusi: Sebab mukim dia itu...

Tuan Loke Siew Fook: *Localitynya*.

Tuan Pengerusi: Di luar daripada *gazetted area* sudah begitu. Okey, *I think* saya minta pihak... dalam perkara ini dalam penjelasan yang diberi adalah pembetulan daripada sempadan asal yang seharusnya. *Legal* implikasi dari segi itu sesuatu yang barangkali serah kepada pihak SPR dululah kecuali ada cadangan-cadangan tertentu. *You know* kalau cadangkan kalahkan mereka di sana jangan buat pemindahan.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Pemindahan itu hanya boleh dilakukan setelah ada persempadanan semula. Sebab kita terikat dengan undang-undang yang ada. *Locality* itu hanya boleh diubah dalam satu-satu bahagian pilihan raya *within* itu pun DUN. Ini Parlimen bertukar, negeri bertukar itu yang pertama.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi, Yang Berhormat Gombak, sebenarnya sempadan memang dia sudah ada luar sebenarnya itu tahun 2004 lagi *according to the boundary* dia sudah keluar tetapi dia masih mengundi di waktu itu daftar pemilih.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Yalah bagi saya oleh sebab pada ketika itu SPR mengiktiraf mereka sebagai pengundi di kawasan itu dan kalau mengaku kesilapan daftar pemilih pun sudah digazetkan pada ketika itu kita terima itu dahulu. Kalau hendak pindahkan buat setelah berlaku persempadanan semula. *That is* terikat dengan undang-undang yang ada. Tidak boleh sewenang-wenangnya pindah begini. Oh! Jumpa ini pindah, pindah *because it against the law*. Itu yang pertama.

Tuan Pengerusi: *Otherwise we refer this back to you people...*

Tuan Loke Siew Fook: Akan tetapi, satu lagi Tuan Pengerusi berkenaan ini Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Loke Siew Fook: Sepatutnya kalau tengok alamat dan kira-kira ambil contoh Tan Sri Khalid ini dia punya alamat di Petaling Jaya. Poskodnya 46300 Petaling Jaya, Selangor tetapi macam mana pula sempadannya masuk dalam Kuala Lumpur? Sebab poskodnya, alamatnya dia punya *locality* dia di Selangor.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi, itu *possible* Yang Berhormat *possible*.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: *Constituency*, Tuan Pengerusi *even in my constituency in* Bukit Beruntung *is* 48300 Bukit Beruntung, Rawang. *They don't vote in* Rawang *but they vote in* Hulu Selangor. *So, it can happen.*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Ada juga, ada juga kawasan begitu. Bila persempadanan berlaku macam itu. Mereka yang duduk di sempadan ada di Hulu Bernam di Perak juga alamat dia. Benda itu boleh berlaku saya rasa SPR boleh mengambil langkah-langkah ini memperbetulkan...

Tuan Pengerusi: Salah satu langkah ini saya rasa pada masa akan datang Jawatankuasa Kecil ataupun kita harus sentuh untuk beri *guideline*. Ada kawasan sampai empat DO dalam satu kawasan. *See*, tiga DO. *So*, ini *some of the* aktiviti penyelarasan pembangunan begitu tidak kemas *you know*. Itu harus diambil kira pada masa-masa membuat persempadanan di bawah daerah dia ini yang mana yang paling dekat *service centre* bagi dia. Tempat saya...

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi: ...Satu kawasan empat DO.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi: Ya, betul. Ada juga yang begitu. *Some of this issue actually need to be considered* dalam *nomination to make easy for the voters*. *To be* layan – tetapi sebenarnya bukan dapat penuh. Akan tetapi, di Sabah kawasan saya satu PPU itu hanya boleh dihubungi melalui Ranau, *see*. Dari segi daerahnya itu *actually* dia masuk Kinabatangan. *So, sometime local knowledge of the drafters are very important*. Okey.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Tuan Pengerusi, yang Tuan Pengerusi bangkitkan itu isu yang berbeza yang kita boleh berbincang kemudian tetapi isu yang kita bincang ini tindakan yang dibuat oleh SPR bercanggah dengan undang-undang. Itu sahaja yang hendak saya bangkitkan, yang perkara ini tidak berlaku dan tidak boleh berlaku.

Tuan Pengerusi: Kalau di SPR tulis secara bertulis kepada kami dalam *one page* adakah ini bercanggah dari segi soal perlembagaan. *Can we accept?*

Tuan Mohamed Azmin Ali: Itu yang pertama. Kedua, soal tadi yang daftar pemilih DPI dicampur-campur dengan suku tahun pertama, kedua, ketiga ada lebihan 3,364. Bagaimana penjelasan SPR bagaimana ini boleh berlaku?

Tuan Pengerusi: Ini kes spesifik kawasan Subang.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Kita bagi notis kepada SPR supaya dia mengeluarkan cerita ini. Kita sepatutnya benda ini dibangunkan pada awal lagi sudah. Saya hendak dengar juga *and also inspire to hear*.

Tuan Pengerusi: Okey, okey *I think they may think to answer*.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Bagi nama spesifik kawasan, negeri manakah supaya dia boleh *explain*. Bawa mari cartakah, apakah?... *Explain*.

Tuan Pengerusi: Mesyuarat akan datang paling lewat pun Isnin.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Saya pun hendak dengar juga.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Okey, Tuan Pengerusi pun *anxious* hendak dengar. Sebab itu saya kata balik kepada isu asal. Benda-benda ini tidak boleh berlaku sepatutnya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Kita panggil...

Tuan Mohamed Azmin Ali: Bukan tuduhan, ini fakta.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Jadi tidak mengapalah. Ini senang.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: *Guideline* itu okey tetapi ini...

Tuan Loke Siew Fook: *I think the whole...*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Supaya SPR beri kuasa mentadbir negara.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Bolehlah.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Pengerusi SPR menjadi 'Perdana Menteri negara'...

[Ketawa]

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *Sorry, sorry* tidak boleh.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Saya hendak jadi Pengerusi SPR lah sekejap.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Okey, okey.

Tuan Loke Siew Fook: Sebab *I think* draf asal ini 4.3, 4.4, 4.5 pun *not so relevant is it.*

Para 4.5 ialah Jawatankuasa ini mencadangkan supaya Jawatankuasa mengesyorkan suatu kajian terperinci dibuat sebelum cadangan ini dapat dilaksanakan dalam jangka masa panjang. *Is not strong enough - the statement*. Kod etikalah.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Yang kita persetujuan dia ada satu *guideline*, satu kod etika yang diberi kuasa untuk melaksanakan kod etika itu sahaja yang dipersetujui.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Jadi *guideline statement* itu tidak ada.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Tidak ada. Para 4.3 itu tidak payahlah.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: *Statement* mengenai *guideline* itu macam mana ya?

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Bolehkah kita jelaskan. Sekretariat draf seperti itulah. Itulah semangat persetujuan kita.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Ya, ya *guideline* itu perlu ada. Jadi disebutlah di sini bahawa satu *guideline* bagi kerajaan *caretaker* ini...

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Kita akan drafkan.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Okey perkara 5 – “Membahagikan semula fungsi SPR”. SPR ini ada tiga yang kita bersetuju. SPR ini ada tiga bahagian. Satu, *boundary division*; kedua, *voting registration*; dan ketiga, *conduct election*. Sekarang ini dalam tiga bahagian, kita syorkan bahawa bahagian-bahagian itu dinaikkan kedudukan SPR dan dari segi masa panjang, tiga bahagian itu diasingkan sebagaimana *practice in UK, in Germany* dan sebagainya.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Sementara dikekalkan di bawah SPR dan dari segi masa panjang *because that is involved Constitution of revision*...

Seorang Ahli: *The current SPR conduct election.*

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *Currently under SPR* tetapi *in a long term*... Akhirnya, “Akses ke media...”

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Spiritnya...

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Spiritnya ialah untuk mengasingkan kepada tiga *commission* atau tiga bahagian.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Saya minta yang para 5.3 itu kita dikaji dan dilaksanakannya jika sesuai. Saya rasa ini macam kita *option*. Kalau tidak sesuai – biarlah sesuatu kajian dibuat dan kita kata laksanakan jika sesuai.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Ya, ya.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Tidak payah buat yang ini...

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Dilaksanakan – tidak payah.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Badan berasinganlah.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Ya, ya. Okey, akhirnya, “Akses kepada media”. Kita juga syorkan bahawa SPR ada kod etika ada *guideline* dari segi akses kepada media dalam kempen *period* itu. SPR juga kaji kemungkinan diberi kuasa untuk melaksanakan kawal selia, *guideline* tersebut...

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Tuan Pengerusi, para 6.2 ini pembelian supaya hak pembelian waktu siaran *air time* diberikan kepada setiap parti politik bagi mengelakkan monopoli setiap parti politik ini atau setiap parti politik yang terlibat dalam pilihan raya, *because* mungkin ada parti politik yang terlibat, tidak terlibat dalam pilihan raya tidak bertanding? Saya bagi tahu Sekretariat, “pembelian” itu tidak payah, sebab kita bercakap hari itu TV1, TV2, saluran kerajaan...

■ 1620

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Ya. Itu syor akhir. Kita syorkan bahawa *Election Commission* itu, ada satu televisyen berasingan untuk kempen *period* itu.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Itu satu. *But for* TV1, TV2 kita kata, *given equal access* kepada dua pihak. Dua pihaklah *because one side government, one side the rest*, bukan. Jadi *proportional* itu ikut dia punya inilah tetapi bukan pembelian waktu – *we’re not buying air time*. Akan tetapi dalam...

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *No. Given, given, given.*

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: *I think just the word*, “pembelian...” boleh dikeluarkanlah. Hak sama rata waktu siaran diberikan kepada setiap parti politik yang terlibat dalam pilihan raya. *It is because maybe some political party not involve in the election. So this time can be given to* parti politik yang terlibat.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Nanti SPR mesti ada satu garis panduan dan etikalah, dan syarat-syarat itu semua akan diletakkan, di mana kita boleh beri akses kepada media. Juga kita cadangkan..., mana televisyen?

Tuan Pengerusi: Para 6.3 itu.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Ya. *Point* 6.3. Kalau bolehlah. Jawatankuasa ini ada satu - Suruhanjaya SPR ini ada satu televisyen berasingan untuk kempen.

Tuan Loke Siew Fook: Tuan Pengerusi, para 6.2 itu saya rasa kalau – *of course* ini kita menyokong penuhlah. Akan tetapi cumanya, ia punya implikasi *whether in the* Jawatankuasa Kecil yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Kangar perlu ada satu tajuk, minta supaya membuat pindaan terhadap undang-undang pilihan raya.

Ini untuk memberikan kuasa kepada SPR *to govern the media access*. Ini kerana diberikan kuasa. Diberikan kuasa maksudnya perlu diberikan kuasa melalui undang-undang...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Kuasa melalui undang-undang.

Tuan Loke Siew Fook: Mungkin perlu ada satu topik baru.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Tuan Pengerusi, *I will go to* Jawatankuasa Kecil mengkaji proses pilihan raya.

Tuan Pengerusi: Sekejap. Sebelum *you go to your* – ini mengenai media mengatakan - beri kepada parti politik yang bertanding. Kita perlu *clarify* itu parti-parti politik yang bertanding ini bagaimana? Seperti DAP satu, PAS satu ataupun, Pakatan dengan Barisan?

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Bolehlah.

Tuan Pengerusi: Ya lah kalau begitu...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Kalau *proportionate* pun tidak mengapa.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Saya rasa mengikut simbollah, senang.

Tuan Pengerusi: Mengikut simbol ya.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: *I think that is why, because they have their own symbol, so dia...*

Tuan Pengerusi: *Not they are going to* bertanding atas Pakatan?

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Tidak. Dia belum ada lagi.

Tuan Loke Siew Fook: Belum dapat.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Simbollah.

Tuan Loke Siew Fook: KDN tidak beri.

Tuan Pengerusi: Saya setuju beri Pakatan, beri, buat satu simbol lain.

Tuan Loke Siew Fook: Dia tidak beri. Belum bagi.

Tuan Pengerusi: Kita akan beri. Berilah. Saya akan berilah.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Kalau *you* dalam KDN bolehlah, senanglah lulus.

Tuan Pengerusi: Beri. Buat simbol baru punya...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Senang lawan ya... *[Ketawa]* Ini hendak lawan tiga, payah.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Okey Tuan Pengerusi. Terima kasih. Jawatankuasa Kecil Mengkaji Proses Pilihan Raya. Saya dengan Yang Berhormat Gombak tetapi Yang Berhormat Gombak sudah keluar. Saya akan membentangkan.

Kita ada enam syor yang telah kita cadangkan. Pertama, akses media yang bebas dan saksama. Jawatankuasa mengesyorkan kepada pihak yang mempunyai kuasa di bawah undang-undang bagi memastikan akses media yang bebas dan saksama kepada semua parti yang bertanding dalam satu pilihan raya. Itu keputusan.

Kedua, tempoh pembubaran Parlimen. Jawatankuasa mengesyorkan cadangan ini dikaji dengan terperinci untuk dilaksanakan bagi jangka masa panjang jika sesuai. Ini kerana kita sekarang tarikh pembubaran ditetapkan ternyata dalam peruntukan undang-undang bagi memudahkan, bukan di bawah kuasa SPR. So, cadangan ini kita telah beri kepada SPR.

Untuk memperluas kategori pengundi yang tidak hadir kepada semua warganegara di luar negara, beberapa cadangan telah diberi dan jawatankuasa telah mencadangkan kepada SPR supaya mengesyorkan agar warganegara Malaysia di luar negara disediakan kemudahan mengundi mengikut *practicality* yang mana kita telah bincangkan sebentar tadi juga tentang aspek ini dan syarat-syarat yang harus diberikan kepada mereka supaya layak menjadi pengundi.

Keempat, peruntukan dana kepada parti politik. Jawatankuasa mencadangkan kepada jawatankuasa ini supaya mengesyorkan kerajaan mempertimbangkan cadangan untuk memperuntukkan dana kepada parti politik.

Kelima, memanjangkan tempoh berkempen. Kita mencadangkan kepada Jawatankuasa supaya mengesyorkan SPR mengambil kira semua pandangan yang diberikan dalam menentukan satu tempoh berkempen yang munasabah kerana mereka mempunyai hak-hak peruntukan. *I think* maksimumnya 60 hari. So, yang munasabah supaya dapat diadakan tempoh berkempen ini.

Bagi pengundian luar kawasan, kami mencadangkan kepada Jawatankuasa supaya mengesyorkan SPR untuk mengkaji kaedah pengundian terbaik bagi memastikan pengundi yang berada di luar kawasan dapat menunaikan hak mengundi dengan lebih mudah.

Ini enam cadangan yang telah kami bantangkan kepada Jawatankuasa untuk pertimbangan.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan P. Kamalanathan a/ I P. Panchanathan: Saya tidak ada masalah secara pos kerana bila kita boleh memberi pertimbangan kepada pengundi-pengundi di luar negara, memberi hak undi pos. Saya rasa kita harus terbuka jugalah, cara undi pos juga.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Sarawak is...

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Ya. *It is because we are willing to consider Malaysian living overseas for postal votes, I don't think, why we should not consider the same.*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Tuan Pengerusi, ada beberapa perkara. Pertamanya yang kedua tempoh pembubaran Parlimen itu, adakah kita hendak mencadangkan tempoh itu ataupun waktu-waktu tertentu? Misalnya enam bulan terakhir daripada tempoh yang diberikan contohnya. Ertinya tidak boleh awal daripada itu. Ertinya kalau hendak *speculate* pun, *you speculate within that these months*. Itu lebih bermakna kepada kita. Mungkin *to spot one date* macam US itu sudah tetap *whatever Tuesday*, itu saya rasa kita susah. Akan tetapi kalau mesti dibuat dalam tempoh enam bulan terakhir daripada tempoh yang dibenarkan...

Tuan Pengerusi: *I saw* itu. Kalau ia enam bulan terakhir tetapi kalau hendak dibuat awal juga, dia mesti ada dia punya.... Ada sebuah negara yang mana *they want to do earlier...*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Itu undi tidak percaya atau usul.

Tuan Pengerusi: *I think* Britain. Britain *I think*.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Memang betul.

Tuan Pengerusi: *You want to do earlier, they have to satisfy certain permission, apa semua. I don't know. I...*

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Boleh kaji. *I think that is good suggestion... Election help...*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Okey. *Provisors* itu kita mencadangkan atau satu kajian lain pula? Kalau kita hendak *thorough*, kita *put the provisors itself*. Akan tetapi ambil masalah, kita pun perlu berbincang seperti yang disebutkan tadi itu. Kalau ada undi tidak percaya itu kenalah macam Britain itu. Kemudian, sekali lagi saya hendak merujuk 2.3.2 itu bila kita kata jika sesuai ini. Hasrat kita itulah yang sesuai, jadi tidak perlulah kata jika sesuai lagi. Seperti kita pun tidak *sure* dengan kita punya cadangan.

Kemudian perkara keempat itu, kita hendak mencadangkan kalau kita bersetuju dengan cadangan ini, kita perlu ada akta yang khususlah untuk ini dimasukkan di mana-mana *act* dari segi undang-undangnya tentang dana politik ini. Terakhir, pengundian luar kawasan ini. Kalau hendak ambil contoh yang dibawa oleh Yang Berhormat Hulu Selangor tadi kita boleh beri luar negara. Kami bersetuju kalau kaedah luar negara itu digunakan, bukan undi pos. Kaedah luar negara.

Datuk Alexander Nanta Linggi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Loke Siew Fook: Tidak mengapalah.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Ya?

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: *I missed that just now.* Akan tetapi dalam konteks kita ini, kita hendakkan mereka ini mengundi awal. Sama juga dengan dakwat kekalnya, mesti ada. Ramai nanti ini, yang Semenanjung di Sabah, yang Sabah di Semenanjung *vice versa* itu bukan, ramai ini. Kalau pakai yang itu, esok dia balik mengundi lagi. Letih kita hendak memadamkan nama dalam senarai itu bahawa mereka telah mengundi pos. Mengundi pos tidak ada dakwat. Ini *problem* dia. Ini akan membuka kepada masalah yang kita bincang sebab itu undi awal.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Ikutlah di mana pun. Akan tetapi kalau undi pos, saya rasa kita bukan mengecilkan lagi undi pos. Ini ramai yang akan *request*. Orang Sarawak di Semenanjung ada berapa..., sejuta lebih?... *[Disampuk]* Tidak sampai. Kurang, ya. Itu banyak.

■ 1630

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Boleh.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *...It state, capital...*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: *The prinsipnya, we allow them to vote.* Itu sahaja dan tidak susahkan balik ke sana. Itu sahaja. Akan tetapi daripada segi ketelusan, itu mesti dijaga juga. Oleh sebab itu saya mencadangkan supaya undi awal ini dimasukkan di situ. Jadi, itu saya punya *point*..

Tuan Loke Siew Fook: Tuan Pengerusi, saya ada beberapa pandangan berkenaan media. Mungkin itu saya rasa kita boleh masukkan ataupun kita *synchronize* kan dengan cadangan awal tadi sebab ada dalam dua atau tiga jawatankuasa yang ada perkara yang sama. Cuma kalau ada cadangan daripada Jawatankuasa Kecil ini, saya harap yang 1.2 itu tidak perlulah. Sebab itu dia kata mengambil maklum bahawa SPR tidak mempunyai kuasa. Kita hendak sekarang beri kuasa, saya rasa itu mungkin...

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Sekarang tidak ada kuasa lagi.

Tuan Loke Siew Fook: Ya. *I know. Just decide on that* kalau boleh. Keduanya, berkenaan dengan ini, memang tadi ada cadangan kata... *[Membaca draf berkaitan]* "Mencadangkan SPR menyediakan satu code of conduct untuk media". Mungkin itu dalam Jawatankuasa Yang berhormat Alor Gajah, lah. Itu yang pertama. Keduanya ini, dua saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kuala Krai.

Okey, berkenaan dengan perkara kelima - "Memanjangkan Tempoh Kempen". Para 5.3 itu.... *[Membaca draf berkaitan]* "Jawatankuasa ini mencadangkan kepada Jawatankuasa supaya mengesyorkan SPR mengambil kira semua pandangan yang diberikan dalam menentukan satu tempoh berkempen yang munasabah".

Saya rasa saya hendak mencadangkan supaya ditukar sedikit ayat itu. Mungkin kita perlu spesifik satu tempoh. So, sekarang pun SPR kata ia mengikut pertimbangannya, munasabah. Mungkin kita dalam perkara ini ada dua pandangan yang berbeza. *Position* kita, pandangan kita ialah tempoh minimum 21 hari. Itu permintaan kitalah. Mungkin pihak kerajaan kata *14 days. Whatever it is*. Cuma saya rasa kalau kita ada satu cadangan yang lebih khusus, ia lebih *strong*. Mungkin kita ada dua pandangan yang berbeza. Pihak kerajaan kata 14 hari, kita cakap 21 hari, *at least* tetapi ada nampak cadangan yang khusus. *It is not just* munasabah sebab munasabah sekarang SPR pun kata, sekarang munasabah. *I hope that you can propose 14 days*.

Tuan P. Kamalanathan a/I P. Panchanathan: *We not proposed 14 days. We are not even proposing any days. We just say what is right. I don't think we should fix a particular day: 14 days or 21 days. No...*

Tuan Loke Siew Fook: *No. It's minimum. You* kata minimum. Ia boleh lebih daripada itu. Minimum...

Tuan P. Kamalanathan a/I P. Panchanathan: *Minimum can put seven days.*

Tuan Loke Siew Fook: Minimum.

Seorang Ahli: Tidak ada..

Tuan P. Kamalanathan a/I P. Panchanathan: *Minimum seven days, maximum 60 days* lah.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: *I think the request from the public is to* panjangkan tempoh berkempen. Kalau mengikut BERSIH, kita minta tiga minggu.

Tuan Loke Siew Fook: ...Pandangan 21 hari.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Okey 21 harilah.

Tuan P. Kamalanathan a/I P. Panchanathan: *So then the case, minimum seven days, maximum 60 days* lah. *You want to put the number?... So you put minimum seven days, maximum 60 days* lah.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Kalau *seven days*, kita tidak...

Tuan Loke Siew Fook: *That is the original. That is the existing.*

Tuan P. Kamalanathan a/I P. Panchanathan: *Ya. I mean what is now is maximum 60 days. So, let them decide the right time and then...*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: *We want to change the minimum lah. Maximum tidak ada masalah.*

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: *We cannot change the mimimum.*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: *We request that, we request that. Because ini one of the strong requests, one of the eight requests yang kita bawa bersama BERSIH, is that 21 hari.*

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: *But we also got people say that's too long, too many days.*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: *Ya. So, what we do, what do we do?*

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: *Just leave it as usual.*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: *You do not want but we want.*

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: *Munasabah. Munasabahlah. Apa yang munasabah?*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: *Munasabah, current. No change. Tidak relevan. Mengambil kira kita ada pengundi luar, ya.*

Tuan Loke Siew Fook: *You are talking about postal voting for overseas.*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: *Saya rasa kalau kita ambil compromise dari dahulu tujuh, permintaan tiga, kita go to dua minggu. Mungkin kita boleh.*

Tuan Loke Siew Fook: *No. Your pandangan you stick dua minggu. Pandangan kita tiga minggu. Sebab consensus daripada Tuan Pengerusi, I mean what he told me that they agreed of 14 days. I mean pihak kerajaan sudah dapat, going along with 14 days, at least... [Disampuk] It's 14 to 60 days...*

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Siapa punya Jawatankuasa lagi? Yang Berhormat Kapit.*

Datuk Alexander Nanta Linggi: *Tuan Pengerusi, saya membentangkan kertas, "Mengkaji sistem alternatif dalam mengadakan pilihan raya". Oleh kerana rakan saya Yang Berhormat Wangsa Maju tidak ada dalam bilik mesyuarat... [Disampuk] Yang di belakang sekali.*

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *Sistem alternatif.*

Datuk Alexander Nanta Linggi: *Sistem alternatif. Jadi kita ada empat tajuk.*

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *Ya, ya, okey.*

Datuk Alexander Nanta Linggi: *Ada?*

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *Ya, it is existing.*

Datuk Alexander Nanta Linggi: Jadi, nombor satu ialah pengagihan kerusi Dewan Rakyat bagi negeri Sabah dan Sarawak. Kita bermula dengan itulah, ya? Di sini ada cadangan untuk kita berbalik pada asalnya kita mewujudkan negara kita - 34% sepatutnya kerusi keseluruhannya di Dewan Rakyat diperuntukkan kepada negeri Sarawak dan Sabah. Ada sebab-sebabnya oleh kerana rasionalnya adalah kita berbalik kepada asalnya. Untuk dua buah negeri ini dapat diberikan jaminan, kalau boleh dikatakan begitu ataupun memastikan keseimbangan kuasa lah iaitu tanpa sokongan daripada kedua-dua buah negeri ini, tidak ada dapat kuasa 2/3 Parlimen kalau hendak pindaan perlembagaan.

Jadi, kita mengesyorkannya Jawatankuasa membuat satu kajian oleh kerana Jawatankuasa kami ini ia lebih melihat kepada suatu yang untuk jangka panjang.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Tidak perlu...

Datuk Alexander Nanta Linggi: Bukan yang mungkin...

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Tidak perlu jika...

Datuk Alexander Nanta Linggi: Dapat kita laksanakan dalam pilihan raya yang akan datang ini. Akan tetapi untuk kita menyediakan untuk kita membuat penambahbaikan untuk masa depan.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Okey. *They can.* Tidak perlu jika sesuai.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tidak payah jika sesuai.

Tuan Loke Siew Fook: Ya, Yang Berhormat Kapit.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ya.

Tuan Loke Siew Fook: Para 1.3 itu.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Para 1.3 itu.

Tuan Loke Siew Fook: Para 1.3... [*Membaca draf berkaitan*] "*Jawatankuasa ini mengambil maklum bahawa cadangan ini merupakan perkara yang melibatkan dasar yang perlu dipertimbangkan oleh kerajaan*". Saya tidak pasti ini...

Datuk Alexander Nanta Linggi: Bukan kerajaan lah.

Tuan Loke Siew Fook: Ya, bukan kerajaan. Ini yang menentukan dasar kerusi.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Bukan kerajaanlah.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Tidak payahlah. Tidak perlu masuk.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tidak perlu sebut.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Tidak perlu para 1.3 lah. *That is your recommendations.*

Seorang Ahli: *That's SPR ...*

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ambil perhatian, ya... [*Berkata kepada para pegawai*] Kedua, "Persempadanan bahagian pilihan raya seimbang". Dalam semua ini, 21, 22, 23, 24 tetapi di sini saya nampak satu yang penting sekali kita mungkin terkeluar daripada yang disenaraikan iaitu kita mesti kekalkan prinsip *rural weightage* ini... [*Disampuk*] Di sini tidak ada disebut, 21: satu orang, satu undi, okey. Prinsip itu kita sesuaikanlah, prinsip satu orang satu – *the value - one man one vote*. Akan tetapi kita mesti ambil dalam konteks juga... [*Disampuk*] *Rural weightage* ini. Jadi, ia bukan secara begitu mudahlah... [*Disampuk*] Kita gabungkan dua prinsip ini...

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Boleh disebutkan ada satu...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Peratusan.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *Maximum differences show.*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: ...Macam yang sana itu berapa *percent...*, 5%, 50%?

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ada 15%. 5%.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Ada 50%...

Datuk Alexander Nanta Linggi: UK 5% lah. Akan tetapi kita bukan sepatutnya ikut 5% UK, 5% kat sinilah sebab kita boleh besarkan lagi.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Boleh atau tidak kita cadangkan, kita balik pada semangat perlembagaan awal-awal kita itu. Ada sebut tentang...

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ya. Memang ada di dalam *Cobbold Commission*.

Tuan Loke Siew Fook: Sebanyak 15% untuk *rural weightage* ini.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ya. Untuk *rural weightage* ini.

Tuan Loke Siew Fook: *Rural weightage* 15%.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Saya minta ini dimasukkan dalam ini sebab ini tertinggal..., boleh, ya?

Tuan Loke Siew Fook: Akan tetapi...

■ 1640

Datuk Alexander Nanta Linggi: *The spirit of Malaysia* ini kita jangan, kita mesti ambil kira.

Tuan Loke Siew Fook: *But we have to see how to draft the 15% weightage to. Is it relevant and today's contacts? No I fully support that other concept of rural weightage.*

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *Actually it was the concept of our first constitution.*

Tuan Loke Siew Fook: *That means you have to consider. Maksudnya kalau 15% rural weightage, the biggest constituency in town cannot have more than 15% of the smallest. I mean, of course. I mean kalau boleh, 15% either way.*

Datuk Alexander Nanta Linggi: Saya ingat 15% itu..

Tuan Loke Siew Fook: *Off 15% from the median. From the median.*

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ya. Kita hendak tengok ini terperinci sikit. Dalam kajian ini. Oleh kerana ini jangka panjang, kita di cadang dulu.

Tuan Loke Siew Fook: *I fully agree there must be a principle. Mesti letak. Principle dia mesti masuk.*

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Oleh sebab pada mulanya tahun 1963 memang Kuala Lumpur sudah maju. Kapit memang jauh tinggal. Sekarang pun ada juga yang berdebat. *We never catch up.* Jadi di manakah letaknya peratusan yang sesuai itu? Jadi mungkin dalam pada masa sekarang kita tidak boleh tetapkan. Akan tetapi prinsipnya kita boleh setuju *Rural weightage* ini. Okey, *bring back the...* Ketiga, "Cadangan sistem pilihan raya baru." Ini sistem majoriti, sistem *first-past-the-post*. Kesemua kita telah bersama si lawatan ke luar negeri. Kita mendengar bagaimana sistem ini di kendalikan, diguna pakai di negara-negara lain. Jadi di sini kita sebut juga. Ini untuk jangka panjang kalau kita hendak menambah baikkan, ataupun kita hendak mengubahsuaikan mengikut kehendak kita di masa depan.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Akhirnya pembiayaan Ahli parti-parti politik?

Datuk Alexander Nanta Linggi: Akhirnya pembiayaan parti-parti politik, ini sudah disentuh tetapi kita ambil dalam kita punya Jawatankuasa juga.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Saya bersetuju bahawa kerajaan ada satu dana khusus untuk membantu parti-parti politik yang telah mendaftar dari segi kempen dan sebagainya. Mungkin itu *10 million, 20 million.* Boleh sahaja. Kita ada satu dana.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Sekalikan?

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *No, no.* Untuk pilihan raya, *for election purposes, for campaign.*

Tuan Loke Siew Fook: *Political funding is for operation, not for election.*

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *No. I am thinking for the election. Not, not. Political funding, for politics. Impossible.*

Tuan Loke Siew Fook: *No if you look at the German system, kalau German system is, after election, base on the number of votes, they will give you. Base on the number votes, that number of the voters. Not for your campaign. It is for your operation.*

Datuk Alexander Nanta Linggi: Maafkan saya. Saya seperti Yang Berhormat Rasah juga. Oleh sebab dia bagi atas dasar keputusan pilihan raya yang baru lepas.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: *I mean you can register your party but they don't get certain.* Ada limit pada prestasi.

Datuk Alexander Nanta Linggi: *That is the German system.*

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Okey, boleh bagi cadangan kalau begitu. Okey.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *One-off?*

Datuk Alexander Nanta Linggi: *One-off.*

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *I think one-off is better for the election period than campaign.*

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: *The other thing I wanted to raise is we are talking about pembiayaan parti-parti politik. Can we come out with the proposal or what to say that campaign funds? Anybody get campaign fund, must declare.* Kita buat cadangan bahawa sekiranya ada parti politik menerima sumbangan kewangan untuk kempen pilihan raya, kena *declare*. Mengisytiharkan dari mana datangnya. Masa dan sebagainya kita boleh tetapkan. Sesiapa yang mendapat wang untuk kempen pilihan raya mesti mengisytiharkan dari mana, jumlah berapa. Keluarkan resit. *I think* Kita harus buat itu.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Ya, ya. Okey.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *This is came out by MACC, in fact ours is the Chairman.* Pengerusi Jawatankuasa Khas mengenai rasuah. Kita telah mencadangkan agar sebagai permulaan, sebagai *one step forward*. Jadi kita hendak semua parti politik yang menerima sumbangan daripada mana-mana *source*, dia kena keluarkan dia punya resit *acknowledgment* dan duit itu mesti dimasukkan di dalam akaun parti itu. Bukan individu.

Selepas itu kalau apa-apa timbul masalah, katalah, *sorry*. Itu parti. Akan tetapi kalau orang individu macam Yang Berhormat Kuala Krai, orang pergi bagi dekat calon Kuala Krai. Yang Berhormat Kuala Krai kata, *"Saya tidak boleh terima. Tidak, saya hendak bagi. Terima kepada parti"*. Okey, jadi pass dan keluarkan resit. Akan tetapi orang datang hendak bagi dekat Yang Berhormat Kuala Krai, *"Saya hendak bagi kepada Yang Berhormat sebab saya suka Yang Berhormat ini. Yang Berhormat punya kuat, ramai"*. Jadi *you* tidak terima pun tidak boleh juga. Jadi hendak bagi. Hendak bagi, ambil RM50,000. Jadi, *"Saya tidak boleh terima, saya tidak boleh terima. No, no. Saya hendak Yang Berhormat"*. Jadi Yang Berhormat Kuala Krai terima. *Can he* terima?.. *Yes, yes*. Dia terima tetapi dia kena laporkan kepada ketua parti dia itu. *Declare* kepada ketua parti.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Itulah susah.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Dia kena lapor. Dia keluar lapor kepada ketua parti dia melalui *by writing to the* ketua parti bahawa dia menerima pada sekian, sekian hari RM50,000 daripada sekian, sekian orang...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: ...Katakan kalau kes yang tidak mahu *declare*, kemudian *somebody* yang bagi itu *can make a report even not declare?*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ya.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*].

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Tuan pengerusi, *I do not know under* jawatankuasa mana ini, tetapi saya rasa sebagai am kita boleh masukkan cadangan ini sebagai salah satu cadangan.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *So that*, bila apa-apa berlaku, katalah orang Kuala Krai hendak buat aniaya kepada dia, *report* kepada dia. Beli kereta baru apa semua. Lepas itu dia tidak, "*Saya terima duit*". Bagaimana? "*Saya terima RM50,000 betul*". Saya lapor kepada saya punya ketua ini. Surat sampai pada ketua. Ketua kata "*Betul, terima*". Okey tidak ada masalah.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Resit, resit. Mesti, mesti. Bersetuju, okey.

Seorang Ahli: Habis, habis.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tidak akan habis juga. Awalnya, pukul 5 ini.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Habislah. *On Tuesday*, kita semak semua.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Tuesday, Tuesday*. Sudah setuju sudah *Tuesday*. Kita *start Tuesday*.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Tuesday* kita sudah janji pukul 1.

Dato' Haji. Noordin bin Che Ngah: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ada satu perkara hendak laporkan kepada PSC. Sedikit perubahan kepada, ini berkaitan dengan ketelusan di tempat mengundi saluran dulu yang mana SPR pernah membuat demonstrasi di Parlimen pada 29 hari bulan kalau tidak silap. Demonstrasi itu dihadiri oleh Pengerusi SPR dan juga Datuk Wan. Semua katanya beberapa Yang Berhormat kata jadi pelakon itu.

Cuma satu perubahan SPR memikirkan kembali dalam mesyuarat dalam beberapa hari lepas dia punya *arrangement* dalam itu sama. Bila pengundi masuk, pemilih masuk agen dapat memperhatikan orang yang masuk sama. Tinggal lagi bila dia pergi hendak menandakan kertas undi di petak mengundi itu hari. Dulu membelakangkan agen.

Lepas itu kita fikir dan pengarah-pengarah negeri SPR memikirkan satunya berkait dengan kerahsiaan. Konsep kerahsiaan. Jadi tidak ada di tempat lain kita melihat orang nampak sedang menandakan kertas undi.

Kedua kalau soal Yang Berhormat Kuala Krai sebut itu mungkin ada orang Tuan Pengerusi mengambil gambar apabila di memangkah sesuatu kertas undi. Jadi perkara itu kita boleh atasi dengan kita ada kerani di situ. Kita ada cara lain. Kerani kita nombor empat yang selalu pegang pembaris itu untuk menentukan kertas undi itu masuk ke dalam peti itu mungkin kita boleh *remind* dia supaya memastikan tidak ada sesiapa mengambil gambar selepas kertas undinya di tanda.

Ketiganya, mungkin juga KTM boleh *remind* ataupun kerani kita boleh *remind* jangan mengambil gambar ataupun kita maknanya memaklumkan, tidak dibenarkan mengambil gambar selepas menandakan kertas undi.

■ 1650

Jadi atas dasar itu maka kita hendak maklum kepada PSC keputusan SPR iaitu bermakna kita pusing balik Yang Berhormat. *Instead of* membelakangkan kepada agen semasa dia menandakan itu, jadi kita pusing balik. Bermaknanya macam dahululah. Itu PSC, saya SPR minta maklumkan kepada SSC.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Tuan Pengerusi, kita dari segi parti PAS kita sudah bawa balik kepada parti dan menerangkannya memang ada sedikit pertanyaan kerana ada kerahsiaan itulah. Akan tetapi kita menjangka daripada *distance* kita itu dengan yang mengundi membelakang, kita tidak akan nampak. Yang lebih menjadi isu ialah kelakuan pengundi itu dengan yang tadi itu. Kalau di belakang sana itu, kita tidak tahu apa dia buat. Kalau ada kerani yang menyaksikan apa isu kerahsiaan masih lagi terdedah sedangkan kita takut kerahsiaan itu bocor, kalau kerani ada pun mungkin kerani nampak dia mengundi kerana dikatakan seorang kerani akan menyaksikan.

Dato' Haji. Noordin bin Che Ngah: Bukan menyaksikan maksud saya Yang Berhormat, Tuan Pengerusi. Bermakna memastikan kerana kerani kita itu bukanlah pergi tempat dia memangkah undi itu. Bermakna dia ada di tengah itu yang dekat peti undi itu. Satu lagi mungkin juga kita melihat Yang Berhormat Tuan Pengerusi maknanya kalau satu-satu tempat itu agak tidak luas, mungkin pelbagai orang datang mengundi kalau kena yang pakai skirt mengundi, jadi menimbulkan soal maruah. Ada kaitan begitu. Kita dapat maklum balas setelah kita membuat simulasi. Jadi kita minta supaya dikekalkan. Bermakna kalau tidak membelakang, makna pusing balik sebagaimana yang asal.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Dinding sampai ke bawah tidak nampak kaki...
[Ketawa]

Tuan Loke Siew Fook: Dato' Nordin, soalan Tuan Pengerusi. Masa pengundian dibuang ataupun masuk dalam bilik mengundi itu, telefon bimbit macam mana? Pernah dikatakan tidak benarkan bawa masuk telefon bimbit bukan, apa status terkini? Apa yang kita bimbang ialah sebab *hand phone* sekarang macam ini. Kalau katakan *blackberry* lah, lepas dia mengundi, dia tangkap gambar sahaja. Senang sahaja.

Seorang Ahli: Sekejap sahaja.

Tuan Loke Siew Fook: Ini terbuka kepada penyelewengan. Nanti orang kata ini tunjuk sudah undi, dapat berapa. Susah.

Dato' Haji. Noordin bin Che Ngah: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, memanglah kita akan tulis tempat mengundi itu kita sudah tulis lambang supaya dilarang *phone* dan sebagainya. Akan tetapi macam mana kita hendak kata, "*Kamu kena tinggalkan hand phone kamu dahulu*", hilang nanti kita pula dipertanggungjawabkan. Akan tetapi soalnya yang sebagaimana disebutkan oleh SPR, dia pergi menandakan kertas undi itu satunya tempoh sekejap, jadi kalau dia hendak ambil gambar sebagaimana saya sebutkan kerani kita yang dekat nombor empat dekat tengah itu nampak. Jadi itulah SPR membuat keputusan...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Kalau dia nampak. Kalau ikut *position*, dia bukan duduk di belakang, dia duduk di depan tetapi boleh ambil gambar...

Dato' Haji. Noordin bin Che Ngah: Kita edar. Bendanya sama dan dikeluarkan dalam akhbar itu pun sama Tuan Pengerusi. Tinggal lagi kita tukar itu sahajalah. Yang lain sama.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Mikrofon dimatikan]

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Apa dia?... Macam mana tidak puas hati?

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Tidak, tidak. Kita punya *reservation* kita itu tadilah. *Act* yang kita minta dia menghala ke sebelah itu. *Act* yang macam inilah. Jadi bila pusing balik tadi, perasaan tadi itu datang balik lah waswas tadi itu.

Tuan Loke Siew Fook: Akan tetapi kaunter ini jauh tidak daripada kerani?

Dato' Haji. Noordin bin Che Ngah: Tidak jauh sangat. Mungkin jarak dia lebih macam ini sahaja lah. Tidak jauh. KTM kita sebelah itu sahaja.

Tuan Loke Siew Fook: Masa dia tunjuk jari, agen boleh nampak lah?

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Jadi tunjuk jari ini. Saya masih lagi hendak tanya fasal tunjuk jari ini. Saya masih lagi hendak tanya fasal tunjuk jari ini. Saya ini akan menjadi masalah. Kalaupun tanda walaupun warna tidak serupa, tidak boleh juga dia mengundi? Katalah hari itu kita menggunakan *colour* merah umpamalah, dia buat keputusan *colour* merah...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Undi awal kuning..

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tidak kisah pengundi awal. Kalau kawan itu datang dia hijau, hijau boleh tidak? Selepas itu hitam, biru..., macam mana? Sebab hari itu penjelasan, apa sahaja warna tidak akan dibagi kertas undi.

Dato' Haji. Noordin bin Che Ngah: Ya kalau jika mengikut undang-undang, jika jari itu telah ditandakan, dia tidak sebut warna di situ sebenarnya – jika telah ditandakan. Maknanya memang kita tidak akan berikan.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Practical questions...*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Kalau tidak silap saya, bila kita kata kita hendak rahsiakan warna, hendak rahsiakan warna sampaikan hari mengundi tujuannya supaya tidak disabotaj warna tersebut. Jadi kalau bukan warna itu, logiknya tidak termasuklah dalam kita punya *worry*. Kalau datang hari itu kita warna hitam, dia datang warna merah tidak ada kaitan. Mungkin dia punya *polish or whatever, you know*.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Mikrofon dimatikan]

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Jadi benda itu dia tanda serupa macam kita ini. Tanda tetapi *color* dia berlainan. *Colour* dia berlainan. Jadi adakah *disqualified*? *Will that disqualify the person from voting*? Oleh kerana dia warna kuning tiba-tiba dia warna tidak kuning, dia hendak warna merah-merah kuning ataupun hitam, jadi macam mana? Ini praktikal ini.

Seorang Ahli: *Adventures* lah....

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Bermakna tidak boleh terimalah?

Seorang Ahli: *You are going to..., but we like...*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Sebab *colour*..

Seorang Ahli: *Beyond horizon*.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Sebab *colour* ini. *You* cerita tentang Kuala Krai, Kangar – kita dekat *border*. Kita pukul 8 sudah tahu warna apa. Pukul 9 hingga 10 sudah keluar warna, datang daripada Golok, datang daripada Kangar. Ataupun kita sudah beli *colour*, dia siap-siap semua sudah. *Any colour you want, you have...* *[Ketawa]*

Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff: Kita ini tidak payah lah fikir macam itu sangat.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tidak payah fikir macam itu...

Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff: Semua tidak boleh buatlah kalau macam itu.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tidak ada. Macam mana?

Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff: Tidak boleh kah dalam peruntukan warna yang telah ditetapkan seperti yang dikatakan...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tidak ada, sebab kita ada *Polling Agent*. Kalau *Polling Agent* boleh mengesahkan – dia *polling agent* kedua-dua pihak...

Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff: Ya, sebenarnya Tuan Pengerusi, *polling agent is observer* sahaja. Dia tidak boleh *involve* sebenarnya. *Frankly speaking* dia cuma pemerhati sahaja.

Seorang Ahli: Boleh bantah bukan?

Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff: Kalau ada apa-apa ketidakpuasan hati, dia cuma letak dalam bertulis kepada KTM dan itu akan direkodkan dan dia tidak boleh masuk campur Tuan Pengerusi. *It is very wrong...*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Yes, it's true. It's true.* Kita akan buat peraturanlah supaya *Polling Agent* boleh campur dalam hal ini menjadi hakim...

Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff: Itu sudah salah Tuan Pengerusi. Susah pula tidak habis pilihan raya ini.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tidak boleh lah? Okey lah kalau tidak boleh, tidak apa.

Tuan Loke Siew Fook: Apa yang Tuan Pengerusi sebut *I think it's very true.* Kalau ada orang penaja cari dia, mengikut peruntukan sekarang tidak boleh bukan, ada apa-apa calitan?

Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff: Jika dibuat bertanda. *As I said, anyone in voting...* Katalah *colour* itu memang kuning, selalu...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *You see. Colour* serupa tetapi dia belum mengundi. *Colour* serupa sebab *by 8 o'clock it is no more* rahsia *colour.* *So you have about ample time until 5 o'clock.* Jadi kalau orang nakal hendak buat kerja ini, dia pergi palit balik-balik, jadi hamba Allah yang tidak undi ini. dia tidak boleh undilah...

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Mikrofon dimatikan]

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Okey *alright.* Kalau tidak ada apa-apa lagi, saya ingat itu sahaja..

Tuan Loke Siew Fook: Boleh *confirm* tidak, hari Selasa pukul 2 petang antara *Committee*, untuk *drafting* yang *final statement* itu kah?

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Yes.

Tuan Loke Siew Fook: *Recommendation* atau macam mana, *what's the format like?*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Pukul 2 *alright, on the 27th...*

Tuan Loke Siew Fook: Jadi, Selasa *we will go line-by-line, the final recommendation.* Okey, terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Okey, terima kasih.

Mesyuarat ditangguhkan pada 5.01 petang.